

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 9 December 2015 |

Muhyiddin, Dr M diminta henti cela pemimpin

BH - 9/12/2015
Kuala Lumpur: Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diingatkan supaya menghentikan usaha menjatuhkan pemimpin menggunakan taktik sehingga boleh menjejaskan kestabilan negara.

Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAI-CCI), Tan Sri K Kenneth Eswaran berkata sebagai negarawan, mereka harus 'bersetuju untuk tidak bersetuju' dengan kepimpinan negara.

Mereka tidak boleh mencela seorang Perdana Menteri yang dipilih secara demokrasi untuk meneruskan dengan visi dan agenda mereka yang tidak berpandangan jauh dan disifatkan sebagai sangat peribadi dan berdendam.

"Jika anda mempunyai rasa tidak puas hati dan pendapat yang berbeza, terdapat saluran bagi menyuarakannya dan ujian muktamad akan berada di peti undi," kata beliau dalam kenyataan, semalam.

BERNAMA